**LATIHAN 1**

# 2. FONETIK DAN FONOLOGI BAHASA MELAYU

## A. KAJIAN FONETIK DAN ALAT ARTIKULASI

1. Yang manakah padanan keterangan yang betul tentang artikulator dan titik artikulasi?

| | *Artikulator* | *Titik artikulasi* |
|---|---|---|
| I | Alat pertuturan yang menyekat laluan udara | Merupakan ruang laluan udara |
| II | Alat pertuturan yang boleh digerakkan | Tempat berlakunya sekatan udara |
| III | Artikulator yang paling aktif ialah hujung lidah | Antara contohnya ialah gusi |
| IV | Berfungsi menentukan bunyi bersuara dan bunyi tak bersuara | Alat pertuturan yang statik |

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(2015/U2014:9)

2. Yang manakah kumpulan bunyi yang terhasil apabila bibir bawah menjadi artikulator?A [p], [t], [v] C [m], [p], [s]
B [b], [f], [m]
D [w], [n], [v]

(2015/U2014:14)

3. Yang manakah pernyataan yang benar tentang kajian fonetik?I Menentukan lambang bagi bunyi bahasa
II Menentukan sistem ejaan bagi sesuatu bahasa
III Mengenal pasti fungsi bunyi dalam sesuatu bahasa
IV Mengkaji bunyi bahasa yang dihasilkan oleh alat pertuturan manusia

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(2016/U2015:9)

4. Yang manakah pasangan perkataan yang kedua-duanya mengandungi gabungan dua huruf yangdiwakili oleh satu lambang fonetik?
A Hanyut, ragut
B Senyap, perang
C Akhir, tergugat
D Ternyata, berganti

(2016/U2015:14)

LIVEWORKSHEETS